

OKTOBER 2020



cassia

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT

**Pekerja Ladang
Aset Bernilai
Syarikat**



■ NOTA GCEO

Penamatan Perjanjian Pajakan Tanah FELDA

Warga FGV Sekalian,

Saya merujuk kenyataan media oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri berkenaan Pelan Pemulihan FELDA dan memaklumkan Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) bersama FGV akan ditamatkan.

Sehubungan itu, saya ingin memaklumkan bahawa FGV akur terhadap keputusan tersebut. Proses penamatan LLA akan bermula apabila FGV menerima notis bertulis rasmi daripada FELDA.

Kita menjangkakan proses ini akan mengambil masa kira-kira 18 bulan untuk dimuktamadkan. Sebagai syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, FGV bertanggungjawab memastikan proses ini berjalan secara telus dan mengikut kaedah ditetapkan.

Saya juga ingin menegaskan bahawa sektor yang terlibat di

dalam LLA adalah operasi perladangan huluhan sahaja. FGV masih mempunyai ladang di luar LLA, operasi perladangan pertengahan dan hiliran, kilang-kilang memproses buah, bahagian penyelidikan dan pembangunan serta sektor-sektor Logistik, Gula, Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna.



Kita akan terus memastikan produktiviti dan kejayaan di kesemua operasi dan sektor tersebut.

Sebagai petugas Kumpulan FGV, kita semua bertanggungjawab menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Saya faham, kita

semua tentu risau tentang masa depan syarikat dan kerjaya. Buat masa ini, kita perlu bekerja seperti biasa. Biarlah proses ini berjalan mengikut ketetapannya.

Yang berada di dalam kawalan kita adalah usaha memastikan kewangan suku keempat yang positif dan Kumpulan kembali

mencatat keuntungan pada tahun 2020, InsyaAllah.

Pihak Pengurusan akan membuat pengumuman lagi dari masa ke semasa untuk berkongsi perkembangan selanjutnya. Untuk maklumat tambahan, sila rujuk Kenyataan Media di laman web FGV bertarikh 20 Oktober 2020 dan 27 Oktober 2020.

Terima kasih.

*Dato' Haris Fadzilah Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
FGV Holdings Berhad*

Laporan Pasukan Petugas Khas bagi menangani isu FELDA ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020.

Antara cadangan yang diterima oleh Jemaah Menteri ialah:


- i. Penstrukturkan semula hutang dengan institusi kewangan.
- ii. Meningkatkan pendapatan teras dari tanah ladang FELDA dengan menamatkan LLA.
- iii. Meningkatkan daya berdikari peneroka.

*- Dato' Sri Mustapa Mohamed
28 Oktober 2020*


Penjelasan FGV Berkaitan Tanah LLA

FGV menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) dengan FELDA pada 1 November 2011

ia tidak melibatkan tanah yang diusahakan oleh peneroka Felda sedia ada.



Hubungan FGV-FELDA selepas penyeraian pada 28 Jun 2012



Tanah Yang Dipajakkan Kepada FGV Tidak Melibatkan Tanah Yang Diusahakan Oleh Peneroka Felda

LLA yang ditandatangani pada 1 November 2011 menetapkan bahawa aset-aset yang terlibat adalah ladang-ladang yang tidak termasuk tanah yang diusahakan oleh peneroka Felda sedia ada, dan juga tidak termasuk kilang-kilang kelapa sawit milik FGV.

Pada masa ini keluasan tanah FELDA berjumlah lebih daripada 850,000 hektar dan tanah yang dimiliki oleh peneroka Felda berjumlah 450,632 hektar. Tanah milik FELDA yang dipajakkan kepada FGV berjumlah 350,733 hektar.

Hubungan antara FGV dan FELDA selepas FGV menjadi syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia

Sehingga 28 Ogos 2020, pegangan saham FELDA adalah sebanyak 21.24% dan pegangan saham Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd (FAHC) adalah sebanyak 12.42%. Oleh itu, FELDA mempunyai seorang wakil di dalam Lembaga Pengarah FGV.

Pegangan saham Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF) adalah sebanyak 4.751%.

Pada 29 Jun 2018, nama syarikat telah ditukar menjadi FGV Holdings Berhad dengan persetujuan majoriti pemegang-pemegang saham. FGV menyediakan perkhidmatan, sokongan teknikal dan bahan penanaman untuk ladang-ladang, peneroka-peneroka dan pekebun kecilnya. Peneroka Felda pula membekalkan Tandan Buah Segar (TBS) ke kilang-kilang sawit milik FGV.

Pembayaran FGV kepada FELDA

Di dalam LLA, telah di nyatakan bahawa jumlah yang perlu dibayar kepada FELDA adalah RM248 juta (berdasarkan jumlah hektar tanah) serta 15% daripada keuntungan operasi dari tanah LLA setiap tahun. Bermula dari 2016, terdapat penurunan pembayaran tetap LLA kepada FELDA kerana penyesuaian jumlah hektar tanah yang dipajakkan.

Penurunan ini disebabkan oleh beberapa perkara termasuk pengambilan tanah oleh FELDA, penyerahan tanah kepada FELDA untuk tujuan perlombongan, pencerobohan ke tanah pihak ketiga, pertindihan tanah kilang serta proses perdamaian antara hak milik tanah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Bayaran FGV Kepada FELDA

Tahun	Pajakan Tetap (RM juta)	Perkongsian Keuntungan (RM juta)
2012	248.5	154.4
2013	248.5	79.6
2014	248.5	78.9
2015	248.4	33.8
2016	240.1	50.1
2017	244.1	71.3
2018	243.9	8.3
2019	243.8	-
2020 (unjuran)	243.7	43.4
Jumlah	2,209.4	519.6

Nota:

1. Nilai pembayaran Pajakan Tetap menurun bermula tahun 2016 disebabkan pelarasan keluasan pajakan.
2. Perkongsian keuntungan adalah mengikut harga pasaran minyak sawit mentah.

■ Petugas Sahabat 21 Jalani Latihan Keselamatan Semasa PKPDB



Walaupun bekerja dalam suasana Perintah Kawalan Diperketatkan Bersasar (PKPDB), latihan tetap diberikan perhatian dan dilaksanakan mengikut jadual dengan kawalan penjarakan fizikal serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Latihan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Latihan Bancuhan Racun

2. Latihan Bilasan tiga kali
3. Pemeriksaan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE)
4. Semakan kebersihan dan 5S stor peralatan khas bagi penyelia dan stor racun.

Latihan ini dilaksanakan secara serentak agar semua petugas FGV sentiasa prihatin terhadap aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan dan keseragaman

dalam melaksanakan operasi harian di ladang.

Kerjasama antara petugas dan pekerja adalah aspek penting bagi menjayakan matlamat syarikat untuk memastikan sifar kemalangan dalam operasi.

Terima kasih petugas FGV Sahabat 21 di atas kerjasama yang diberikan.



■ Produk FGV Disekat Jabatan Kastam Dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat

FGV Holdings Berhad (FGV) merujuk kepada Perintah Pelepasan Tahan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat pada 30 September 2020 terhadap minyak sawit dan produk sawit keluaran FGV.

Lembaga Pengarah FGV ingin memaklumkan bahawa pada 8 Oktober 2020, FGV telah berkomunikasi dengan CBP melalui panggilan persidangan untuk mendapatkan penjelasan mengenai hasil siasatannya dan juga mengenai langkah-langkah yang harus diambil oleh FGV untuk pembatalan WRO.

Maklumat mengenai penemuan siasatan CBP amat penting bagi membolehkan FGV menangani dan menyelesaikan jurang yang masih ada dalam amalan syarikat.

Walau bagaimanapun, CBP tidak dapat mendedahkan maklumat yang ditemui kecuali hasil siasatannya yang telah mengenalpasti 11 indikasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai buruh paksa dalam amalan syarikat FGV. CBP tidak mendedahkan sebarang maklumat lain mengenai hasil siasatannya termasuk sifat atau lokasi kejadian yang berkaitan dengan indikasi-indikasi tersebut.

CBP memaklumkan kepada FGV bahawa ia akan mempertimbangkan petisyen untuk pembatalan WRO bersama-sama dengan maklumat atau laporan yang terhasil dari audit oleh firma audit pihak ketiga yang boleh dipercayai, dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Sehubungan dengan ini, FGV kini sedang berkomunikasi dengan beberapa organisasi bebas untuk mencari pilihan dalam menjalankan audit

bagi operasi FGV pada masa yang akan datang. FGV menjangka pelantikan firma audit tersebut akan selesai dalam beberapa minggu lagi dan akan meneruskan audit tidak lama kemudian.

FGV komited dalam mengambil langkah-langkah wajar untuk membatalkan WRO. FGV mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada CBP atas kesediaannya untuk membincangkan perkara ini dengan FGV, dan FGV berharap dapat meneruskan perhubungan dengan CBP.

FGV kekal komited dalam melaksanakan rancangan tindakan di bawah afiliasinya dengan *Fair Labor Association* (FLA). Rancangan tindakan FLA tersebut boleh diakses di laman sesawang FGV di www.fgvholdings.com. Laporan kemajuan seterusnya mengenai pelaksanaan rancangan tindakan ini akan diterbitkan pada 31 Mac 2021.



FGV Labur RM350 Juta Bina, Baik Pulih Rumah Pekerja Ladang

FGV Holdings Berhad (FGV) telah melabur RM350 juta dalam tempoh tiga tahun lalu bagi membina dan membaik pulih kemudahan perumahan pekerja ladangnya di seluruh Negara. Sebanyak 27 projek telah disiapkan antaranya di Pahang; Kelantan; Negeri Sembilan; Sabah dan Sarawak. Manakala 5 projek lagi sedang dijalankan dan dijangka selesai hujung tahun ini. Kemajuan projek pembinaan dan baik pulih tersebut berjalan lancar walaupun terdapat sedikit kelewatan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Meskipun syarikat berdepan pelbagai cabaran, projek tersebut tetap menjadi keutamaan. Selain membina rumah, FGV turut membangunkan dewan komuniti dan tempat ibadat, padang rekreasi, kedai runcit serta beberapa kemudahan untuk manfaat pekerja.

FGV Umum Tambahan 35,600 MT Tangki Simpanan bagi Penuhi Permintaan Pasaran

FGV Holdings Berhad (FGV) meluaskan kemudahan simpanan pukal dengan menambah enam lagi tangki simpanan baharu untuk minyak sayuran bagi memenuhi peningkatan permintaan di pasaran dan memenuhi mandat biodiesel B20 kerajaan untuk sektor pengangkutan. Penambahan tangki simpanan itu membuktikan kepakaran petugas kumpulan berkenaan mengendalikan produk minyak sayuran dan bukan sayuran. Ia turut disokong oleh sistem pengkomputeran sepenuhnya, kawalan kualiti dan kuantiti ketat, langkah keselamatan tegas selain kemudahan terima-simpan-hantar yang menyeluruh.



Loji Janakuasa Tenaga Boleh Diperbaharui Biogas Terbesar FGV Jana Elektrik Kepada 15,000 Rumah Di Pahang

Loji janakuasa biogas FGV Holdings Berhad (FGV) yang baru dibina di kilang minyak sawit Triang di Bera, Pahang baru-baru ini merupakan loji janakuasa tenaga boleh diperbaharui biogas terbesar FGV setakat ini dengan kapasiti 2.4 megawatt (MW). Loji tenaga biogas Triang FGV telah beroperasi sepenuhnya selepas menerima Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Tarif Galakan (FiTCD) daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia pada 20 Oktober, 2020. Melalui SEDA, FGV mendapat kuota untuk kapasiti eksport 2.0 MW ke grid nasional Tenaga Nasional Berhad untuk pengagihan ke 15,000 rumah di Felda Triang, Felda Sebertak, Felda Purun, Felda Bukit Kepayang dan Felda Tementi yang terletak dalam lingkungan 30 kilometer dari loji tenaga biogas itu.



Komitmen FGV dalam Menghormati Hak Asasi Manusia berkaitan Kanak-kanak dan Hak Mendapatkan Pendidikan

FGV Holdings Berhad (FGV) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan 11 buah Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) di Sahabat dan Kinabatangan, Sabah yang berfungsi sebagai pusat pembelajaran alternatif bagi anak-anak yang tidak berdaftar dalam pendidikan formal di sekolah. Projek yang bermula pada 2018 ini dijangka siap sepenuhnya pada 2021 apabila empat buah lagi CLC di Kalabakan dan Yapidmas mula beroperasi. Semua CLC berkenaan dilengkapi dengan kelengkapan asas bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran. Tenaga pengajar pula terdiri daripada guru-guru yang bertauliah sementara pekerja lain yang berminat akan diberikan latihan sebagai pembantu pengajar. Ketika ini seramai 1,046 orang pelajar telah mendaftar di 11 buah CLC berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 876 orang terdiri daripada pelajar sekolah rendah sementara baki 170 orang lagi di peringkat menengah.



WIRA FGV

Zaaba Sinonim Dengan PPPTR



Kenangan sewaktu pertama kali menjejakkan kaki di bumi Jerantut kira-kira 40 tahun lalu masih segar di ingatan anak kelahiran Taiping, Perak ini. Zaaba Yahya ketika itu berusia 19 tahun berhijrah meninggalkan keluarga untuk ke bumi Pahang bagi memulakan kerjaya di dalam sektor perladangan.

Zaaba yang kini merupakan Pengurus Kanan di Jabatan Tanaman Pelbagai serta pentadbiran, FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS), Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), tidak dapat melupakan pengalaman pertamanya menempuh perjalanan yang sukar dan panjang untuk melapor diri ke ladang FELDA.

"Setelah 14 tahun nimba pengalaman di ladang-ladang FELDA di sekitar Jerantut, saya berpindah khidmat ke PPPTR di bawah Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) yang dahulunya di kenali sebagai Perbadanan Khidmat Pertanian Felda.

"Meskipun bermula dari bawah, namun kepercayaan syarikat dalam memberi saya peluang untuk melangkah jauh membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus memberi nilai tambah kepada syarikat dan juga masyarakat setempat selagi diizinkannya," ujar Zaaba yang pernah menerima anugerah 'Pengurus Terbaik 2016' bagi Kluster R&D dan Khidmat Agri.

Terkenal di kalangan komuniti PPPTR sebagai seorang yang aktif dalam kegiatan kemasyarakatan di samping seorang yang tenang dan mesra di kalangan rakan sekerja, Zaaba sentiasa menjadikan tugas beliau sebagai ibadah yang perlu dijalankan dengan sebaiknya.

Beliau yang juga Penggerusi Masjid Jamek Kompleks PPPTR amat komited menguruskan masjid tersebut di samping menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

"Kompleks PPPTR ini sering menerima kunjungan pelawat yang berminal mengetahui tentang penyelidikan sawit

dan pelbagai tanaman. Kami akan turut melibatkan masyarakat setempat apabila melaksanakan sesuatu majlis.

"Tidak susah untuk kami mengendalikannya kerana mendapat kerjasama yang baik di antara pihak pengurusan FGV dan masyarakat setempat. Hubungan erat ini membolehkan kami membangunkan kawasan ini sebaik mungkin di samping dapat memelihara keselamatan secara bersama," tambah beliau.

Zaaba turut mendoakan agar Kumpulan FGV akan terus maju dan berjaya mendepani cabaran getir ketika ini.

"Saya berharap agar semua pelapis baharu terutamanya golongan muda dapat memahami dengan sebaiknya aspirasi perniagaan kita, bersama mendepani segala cabaran dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan FGV di masa hadapan," tambah beliau.



Keberkatan Rezeki Dalam Pekerjaan

Bahagian Kewangan Kumpulan FGV telah meneruskan program Siri Kepimpinannya dengan penganjuran majlis ilmu melalui ceramah oleh pendakwah bebas Ustaz Elyas Ismail bertajuk 'Keberkatan Rezeki Dalam Pekerjaan' pada 7 Oktober di Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV.

Antara intipati utama ceramah adalah bagaimana seorang pekerja harus melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan bertanggungjawab bagi mendapat keberkatan yang sebenar dan berpanjangan. Setiap pekerjaan haruslah dilaksanakan dengan cekap dan amanah bagi mencapai kecemerlangan di pejabat.

Ustaz Elyas turut menggariskan 3 kaedah dalam mencari keberkatan dalam rezeki, iaitu dengan membetulkan tujuan hidup, memahami erti rezeki dan bertanggungjawab di atas segala perbuatan sendiri.

"Berbuat baiklah sesama manusia kerana setiap perbuatan baik itu akan mendapat kebaikan. Manakala jika kita berbuat jahat, jahatlah juga balasan yang kita terima," ujarnya.

Ceramah Ustaz Elyas ini boleh ditonton di Youtube FGV di pautan https://youtu.be/UVMeC3ql_lo



Ujian Saringan COVID-19

KRITERIA

Pekerja / tanggungan dengan gejala / tanda jangkitan COVID-19 dan / atau yang telah diminta atau dirujuk untuk menjalani ujian oleh jabatan kesihatan tempatan atau negeri

Pekerja / tanggungan yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit COVID-19 atau dianggap sebagai Pesakit Yang Disyaki (Person Under Investigation) di bawah garis panduan Lampiran 1 Kementerian Kesihatan.

PROSES

(Hanya boleh digunakan oleh pekerja yang terjejas seperti kriteria di atas)

A. BAYAR & FAIL (PEMBAYARAN BALIK)



01 Buat temujanji di mana-mana hospital / klinik untuk ujian saringan COVID-19



02 Pergi ke hospital / klinik



03 Buat ujian saringan

04 Pembayaran balik “Bayar & Tuntut” melalui aplikasi PMCare (lampirkan resit asal dan bil terperinci)

B. TANPA TUNAI (PENGELUARAN GL) ATAU PANEL HOSPITAL / KLINIK PMCARE



01 Buat temujanji di mana-mana hospital / klinik untuk ujian saringan COVID-19



02 Pergi ke hospital / klinik *GL diperlukan sebelum lawatan ke hospital / klinik



03 Buat ujian saringan

■ Najib Seru Semua Petugas Jadi Ahli KSFGV

Pengerusi Kelab Sukan FGV (KSFGV) Muhammad Najib Ab Manan menyeru kepada semua petugas Kumpulan FGV untuk menyokong kelab sukan tersebut dengan menjadi ahli.

Ujar Najib, KSFGV yang baru ditubuhkan merupakan kelab yang berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, dan bertujuan menjalankan aktiviti sukan dan riadah bagi semua petugas FGV di seluruh Malaysia.

“KSFGV mempunyai wakil dari setiap zon iaitu zon Kuala Lumpur, Johor, Serting, Kuantan, Utara, Lipis, Sarawak dan Sabah.

Insyah-Allah, setiap zon akan mengadakan aktiviti masing-masing di mana petugas boleh mengambil bahagian.

“Kami juga mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan untuk merancakkan aktiviti KSFGV. Walaupun terdapatkekangan untuk pengajuran sukan oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, kita masih boleh mencari jalan untuk mengadakan aktiviti tanpa sentuhan seperti permainan karom dan dart,” katanya lagi.


Untuk menjadi ahli KSFGV, sila berhubung dengan ahli jawatankuasa zon masing-masing.





■ TRAVELOG

Berhenti Sejenak Di Bumi Perhentian



Datangnya wabak COVID-19 telah sekaligus mengubah gaya hidup kita semua. Tidak bersalaman serta penjarakan fizikal telah menjadi norma baharu. Pepatah luas pemandangan, luaslah pengalaman kini telah diganti dengan istilah 'duduk di rumah, eratkan ukhuwah'.

Kami adalah sahabat berempat, sering bertemu dan mengadakan aktiviti riadah dan berkelah, turut tidak lepas dari tempias norma baharu ini. Percutian yang kami aturkan pada cuti umum Hari Pekerja 1 Mei 2020, terpaksa ditangguhkan, akur dengan perintah kawalan pergerakan yang diisyiharkan oleh kerajaan. Namun, syukur kerana kami dapat meneruskan misi percutian ini pada hujung bulan Ogos setelah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ditamatkan.

'Snorkelling' dalam air yang jernih, berkayak menggunakan kayak cermin, pendakian ke kincir angin dan persembahan api di waktu malam adalah pengalaman yang tidak dapat kami lupakan.

Sememangnya, ia merupakan memori yang indah serta masa yang dapat kami luangkan bersama, ternyata lebih bermakna kini daripada sebelumnya. Tempoh PKP telah membuka mata kami untuk lebih menghargai masa yang terhad yang dapat kami luangkan bersama. Pada detik itu, suara hatiku berkata, tidak perlu kita mencari pemandangan di tempat orang, banyak saja pengalaman untuk ditimba di tanah air sendiri. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

oleh:
Vinnothraj A/L Yeesvaran
FGVHB

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami!

Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB

- Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke groupstrategiccomms @fgvholdings.com

Tarikh tutup:
30 November 2020

PERADUAN 'My Home Garden'

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 yang dilaksanakan sudah tentunya menghadkan aktiviti kita. Ramai yang menjadi kreatif untuk menghabiskan masa lapang dengan pelbagai aktiviti. Antaranya berkebun pelbagai tanaman di dalam kawasan rumah.

Apa kata anda kongsikan dengan kami foto kebun di rumah anda untuk tatapan pembaca CASSIA? Tidak kira pokok bunga, sayuran atau buah-buahan, hantarkan foto bersaiz tidak kurang dari 2 MB ke **groupstrategiccomms@fgvholdings.com**. Foto paling menarik akan menerima hadiah istimewa barang keluaran FGV.

Penyertaan terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya). Jangan lupa sertakan nama penuh, emel dan nombor telefon untuk dihubungi.

Tarikh tutup adalah pada 30 November 2020.



TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan
groupstrategiccomms@fgvholdings.com

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

